AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 36
RUANGAN : PERSPEKTIF

Pameran pelbagai rekaan pakaian sejak 1900-an hingga sekarang di Muzium Negara

# Evolusi busana seragam jururawat curi tumpuan

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my


Koleksi uniform jururawat pada tahun 1970.




Jururawat hospital daripada Melaka dan Jengka datang melawat ke pameran uniform jururawat yang di pamerkan di pameran evolusi baju seragam jururawat di Muzium Negara. (Foto Genes Gulitah/BH)

**Pelbagai** rekaan seragam jururawat bermula sejak 1900-an hingga sekarang memperlihatkan evolusi pakaian turut seiring dengan kepentingan profesion golongan berkenaan yang menjadi antara insan terpenting dalam sistem kesihatan negara.

Lantas pameran Evolusi Baju Seragam Jururawat diadakan sejak sebulan lalu bermula 12 Mei lalu dan berakhir hari ini, di Muzium Negara melambangkan identiti serta personaliti jururawat sebagai perawat.

Seiring peralihan zaman pakaian seragam jururawat turut berubah dari rekaan sesuai mengikut peredaran masa, identiti jururawat dan keperluan kesihatan.

Evolusi rekaan itu membuktikan perubahan dilakukan terhadap penggunaan pakaian seragam.

## Dedah profesion kejururawatan

Pengarah Bahagian Kejururawatan Kementerian kesihatan (KKM), S Devi, menjelaskan koleksi dipamerkan termasuk baju seragam jururawat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, peralatan merawat pesakit serta foto lama jururawat di sekolah latihan jururawat.

"Ia juga berkaitan asal-usul dan perubahan dibuat pada pakaian seragam jururawat mengikut kategori jawatan supaya tidak lupus dalam arus perkembangan profesion kejururawatan," katanya.

Perubahan pakaian seragam jururawat secara berperingkat sejak 1950 diikuti 1970, 1980, 1990, 2000 dan 2006.

Perubahan mengikut keadaan semasa seperti perubahan perjawatan membabitkan gred, pelantikan jururawat lelaki dalam kejururawatan dan kebenaran memakai pakaian menutup aurat serta pemakaian tudung.

"Setiap pembaharuan dan perubahan pakaian seragam akan dibincangkan bersama pemegang taruh dalam bidang kejururawatan seperti Persatuan Jururawat Malaysia (MNA) serta Kesatuan Jururawat Malaysia (MNU).

## Sejarah seragam jururawat

Pemilihan fabrik ditentukan oleh Jawatankuasa Spesifikasi dan Teknikal dan sehingga kini masih kekal menggunakan fabrik jenis polister kerana tahan lama, lasak, cepat kering dan sesuai khususnya untuk aktiviti luar.

"Fabrik polister tidak mudah berkedut, mudah digosok, tidak panas, lebih menarik sentiasa kelihatan kemas dan segak," katanya.

Kini mereka dapat melihat sejarah dan perubahan reka bentuk bermula dengan pemakaian skirt, penggunaan skarf hitam serta seluar panjang sehingga pakaian seragam terkini.

Perubahan warna pakaian ketua jururawat dari warna putih ke biru muda, pakaian seragam pengajar jururawat berwarna hijau tua serta pakaian dari Sabah dan Sarawak yang pelbagai warna.


Koleksi uniform jururawat lelaki

"Turut dipamerkan, penggunaan tali pinggang khas, 'epaulet' serta jenis topi jururawat pelbagai bentuk dan berlainan jalur sudah tidak digunakan lagi ketika ini.

Bagi jururawat sudah bersara, pameran itu mengimbau kenangan lama dan pahit manis ketika bertugas dahulu, sekali gus dikongsikan sebagai panduan bagi generasi sekarang.


Zamrul Amri Zakaria

"Bagi jururawat generasi kini, pameran ini dapat mengetahui sejarah pakaian seragam yang mereka sendiri tidak tahu," katanya.

Jika ada pameran lagi, boleh dicadangkan fokus kepada perkembangan kerjaya, pameran peralatan kejururawatan dan perkongsian pengalaman jururawat.

## Sambutan menggalakkan

Pengarah Muzium Negara, Zamrul Amri Zakaria, berkata pihaknya menyasarkan kira-kira 3,000 sehingga 5,000 pengunjung dalam tempoh sebulan pameran.

"Namun siapa sangka hanya dalam tempoh dua minggu, lebih 10,000 pelawat kebanyakan jururawat dari seluruh negara datang melawat.

"Pada raut wajah jururawat perasaan bangga dan dihargai apabila melihat koleksi pameran yang ditampilkan," katanya.

Zamrul Amri berkata, pelbagai aktiviti sampingan diadakan yang disertai jururawat dibawa khas dari pelbagai hospital dan kolej kejururawatan di seluruh negara untuk memeriahkan suasana.

"Program Cerita@Muzium Negara menampilkan jururawat bagi menceritakan kerjaya sebagai jururawat, pengalaman melawan COVID-19 dan kerjaya sebagai jururawat lelaki.

"Selain itu turut didedahkan mengenai mengenai evolusi baju seragam jururawat dan tugas bidan.

Penyelia Jururawat Hospital Alor Gajah, Melaka, Ruzilawati Mohamad, 60, teruja dan mengimbas kembali tempoh 34 tahun menjadi jururawat.

"Malah, baru dapat melihat koleksi baju seragam jururawat yang tidak tidak pernah lihat sebelum ini," katanya.



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA



IBU bapa tidak melepaskan peluang membawa anak-anak ke Aquaria KLCC di Kuala Lumpur kelmarin.

# Jangkitan baharu Covid-19 lepasi angka 2,000

**PUTRAJAYA** – Negara mencatatkan peningkatan kes Covid-19 dengan 2,166 kes kelmarin termasuk satu kes import, menjadikan jumlah keseluruhan kes sebanyak 4,523,018.

Kelmarin, jangkitan Covid-19 merekodkan sebanyak 1,887 kes dengan lapan kes import.

Berdasarkan data *COVIDNOW*, sebanyak 1,488 kes sembuh direkodkan kelmarin dengan jumlah keseluruhan pesakit sembuh sebanyak 4,464,558 kes.

Dalam masa sama, satu kes kematian Covid-19 dilaporkan menjadikan jumlah kematian terkini sebanyak 35,709 kes serta satu kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) dengan jumlah kes BID 7,573 kes.

Sebanyak 22,751 kes aktif dilaporkan melibatkan 21,764 kes dikuarantin di rumah, 27 kes di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), 936 kes di hospital, 11 kes di Unit Rawatan Rapi (ICU) tanpa bantuan pernafasan dan 13 kes di ICU dengan bantuan pernafasan.

**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 5**
**RUANGAN : NEGARA**



**DR. NOOR AZMI (dua dari kanan) menyerahkan buku *Garis Panduan Kawalan Tibi* di Depot Tahanan Imigresen di Telaga Walk, Langkawi semalam.**

# Kes tibi meningkat 13 peratus

**LANGKAWI** – Negara mencatatkan peningkatan kes penyakit tuberkulosis (tibi) sebanyak 13 peratus sehingga 4 Jun lalu berbanding tempoh sama tahun lalu.

Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, namun jika dibandingkan pada 2019 sebelum pandemik Covid-19, peratusan itu menurun 11 peratus dengan 9,474 kes direkodkan tahun ini.

"Bagaimanapun, jumlah kes tibi yang dilaporkan masih belum mencapai sasaran seperti yang dianggarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebanyak 29,000 hingga 30,000 setahun.

"Sehubungan itu, aktiviti pengesanan kes tibi perlu dipertingkatkan dengan memperkukuhkan saringan golongan berisiko tinggi terutama dalam kalangan kontak kepada indeks kes tibi," katanya.

Beliau ditemui pada sidang akhbar selepas merasmikan Sambutan Hari Tibi Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 Dan Pelancaran Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) di Telaga Walk, Jalan Pantai Chenang, di sini semalam.

Ujarnya, saringan tibi turut dibuat dalam kalangan kumpulan berisiko tinggi seperti pesakit HIV, diabetes (kencing manis) dan penghuni pusat tahanan seperti yang dilakukan di Pusat Tahanan Imigresen di Belantik, Sik.

Beliau menyeru orang ramai yang mempunyai simptom penyakit tibi seperti batuk yang berpanjangan melebihi dua minggu, demam, berpeluh waktu malam, kurang selera makan, susut berat badan dan batuk berdarah untuk segera menjalani pemeriksaan dan rawatan di klinik kesihatan dan hospital berhampiran.

Dalam majlis sama, beliau turut menyatakan kementeriannya akan mempertingkat usaha dalam mengekang penularan subvarian baharu Omicron iaitu varian BA.4 dan BA.5.

"Jadi kita sentiasa menasihati rakyat untuk mengikuti prosedur operasi standard sedia ada seperti memakai pelitup muka terutamanya di tempat sesak dan di dalam premis serta melakukan sanitasi dengan kerap," ujarnya.

Media melaporkan Malaysia mengesan dua kes membabitkan subvarian Omicron BA.5 dan satu jangkitan BA.4 yang merupakan kes pertama membabitkan penularan varian itu di negara ini.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEWS / NATION

ONE BROUGHT-IN-DEAD CASE

# 2,166 new Covid-19 cases on Friday

**KUALA LUMPUR:** Malaysia logged 2,166 new Covid-19 cases on Friday, breaching the 2,000 mark for the first time since May 25.

As of June 10, 4,523,018 people had been infected with Covid-19 since the pandemic struck in 2020.

On the same day, 1,488 people recovered, pushing the total number of recoveries to 4,464,558.

One brought-in-dead case was logged in Negri Sembilan. This brings the total number of deaths from Covid-19 to 35,709.

Total active cases have increased to 22,751. Of the number, 95.7 per cent are undergoing home quarantine, 4.1 per cent are receiving hospital treatment, 27 cases are at quarantine and treatment centres and 24 are at intensive care units with 13 requiring ventilator support.

Some 465 cases were admitted to hospital on Friday.

The Covid-19 hospital bed utilisation rate is at 12.7 per cent as of the same day, while 5.3 per cent of Covid-19 ICU beds are being utilised.

Combining Covid-19 and non-Covid-19 cases, 68.2 per cent of public hospital beds are being utilised; 59.2 per cent of ICU beds are occupied and 38 per cent of ventilators are being used.

Meanwhile, 34.5 per cent of children aged 5 to 11, which amounts to 1,223,569 people, had completed two doses of the Covid-19 vaccine, while 48.9 per cent or 1,734,505 people had at least received a dose.

**INFO BOX**

**1,488**

people recovered from Covid-19 on Friday

Kelantan remains the state with the lowest vaccination rate where only 6.9 per cent of children had received one dose of the vaccine. The second lowest was Terengganu, where only 9.3 per cent of children in this age group had taken a dose of the vaccine.

Overall, 83.1 per cent of the total population had received two doses of the vaccine, while 68.5 per cent of the adult population had received their booster shot.

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 5**
**RUANGAN : NATION**

# Healthcare reform panel mulled

## Proposed commission is aimed at future-proofing healthcare system

**KUALA LUMPUR:** Malaysia's Health White Paper will propose the setting up of a Healthcare Reform Commission to monitor, advise and report on the status of healthcare reform implementation to the government, Parliament and the people.

Health Minister Khairy Jamaluddin said the proposal is aimed at further future-proofing the country's healthcare system.

"Having a transparent and well-appointed Healthcare Reform Commission would, we hope, inject a level of institutional check-and-balance and stability into the healthcare political economy, supporting structural reforms no matter what the future holds," he said.

Khairy said this in his keynote address titled "Future-Proofing Public Health Care" delivered at the Public Health Thought Leadership Dialogue which was held at the National University of Singapore (NUS) on June 2 when he was in the republic as a Lee Kuan Yew Exchange Fellow.

The text of his speech was made available to Bernama yesterday.

"The Health Ministry is considering four broad areas of reform in developing a Health White Paper aimed at making the case for structural changes as tough as they may be to future-proof Malaysia's healthcare system.

"The first area is equitability of access, which includes defining quality aspects which basic medical services should cover, reducing the regional gap in healthcare facilities and having a clear framework for cost-benefit assessment.

"As a first step, one of the key structural reforms that Malaysia is currently studying is to grant greater operational autonomy to our public hospitals, so that these overburdened and constrained flagship institutions are given the room to be more responsive to the changing needs of the population," he said.

"The second area is sustainable healthcare financing because since the onslaught of Covid-19, financing healthcare is increasingly being seen as an investment rather than an expense.

"Indeed, investment in the healthcare system should be perceived as an investment for the country's development, just like investment in education," he added.

"The third aspect is governance, oversight and accountability, and the Healthcare Reform Commission is one of the proposals to ensure the direction of reform is followed through.

"The last aspect is bringing 'health' back to healthcare, as presently it is more on the sickcare side," said Khairy.

He said Covid-19 is a wake-up call and the opportunity for a big reset, and the long overdue systemic reforms must be put in place now.

On another matter, Khairy said Malaysia hopes to be the first country in the world to enact a tobacco generational endgame when a proposed landmark legislation is brought to Parliament next month.

"If this law is passed, Malaysians born after 2005 will never ever be able to buy or use any smoking products anymore. The end.

"The end for smoking and tobacco. There are those who believe that banning is never the solution; I am determined to make this work," he said.

# Slow take-up of vaccination at private clinics

By LIEW JIA XIAN
jiaxian@thestar.com.my

**GEORGE TOWN:** The vaccination rate for children aged between five and 11 years old at private clinics here has been lukewarm.

O2 Klinik clinical operations manager Dr Ong Kong Seng said most parents probably had already brought their children for vaccination before the school holidays.

"We provide the self-purchase Sinovac vaccination for children.

"Parents can bring their kids and walk in to any of our clinics, but we encourage them to call and make an appointment first," he said.

Dr Ong added that in line with the government's announcement, the ceiling price for the Sinovac vaccine was RM77, excluding the service fees and the cost of disposable items for the vaccination process.

To ensure parents feel safer vaccinating their children, Dr Ong said O2 Klinik practises a high standard of precaution for all vaccinations.

"All children will be monitored closely by our doctors after their vaccination and prompt action will be taken if we detect any side effects from the vaccination," he said.

A spokesperson from a clinic in Bayan Lepas said they had not received any vaccination appointment for children aged five to 11 since June 1.

"Our current arrangement is that we will do it on weekends if we manage to get 10 kids.

"So far, there are no kids who have signed up," she said.



**Virus protection:** A boy getting his Covid-19 vaccination at a clinic in Penang.

The same was reported at Klinik IMA in Penang with no appointment for vaccination for children for the time being.

The medical practitioner, however, encouraged parents who wanted the Sinovac vaccine for their children to make a booking first.

"We encourage parents to make an appointment so that we can ensure there is a ready supply of vaccines.

"Although we still offer vaccination for children, the demand is not as high as before," she said, adding that it would cost RM88 for each dose of the vaccine.

Starting June 1, children who have not been vaccinated with the first dose of Covid-19 vaccine will have to do it for a fee at private healthcare facilities.

However, there will be an exception for two groups – those who have yet to turn five between May 31 and Dec 31 and children who were infected or have parents who contracted Covid-19 recently.

The National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids) was initially slated to end on May 15 but was extended to May 31.

A check on the CovidNow website showed that only 48.9% of children aged five to 11 have received the first dose, while 34.1% have received the second dose.

In Penang, 53% of eligible children have received the first dose, while 42.5% have received the second.

**AKHBAR** : THE STAR
**MUKA SURAT** : 9
**RUANGAN** : NATION

# 'Guard against HFMD in new school term'

**KOTA KINABALU:** Despite cases showing a downward trend in the state, parents and early education centres in Sabah have been urged to be vigilant against hand, foot and mouth disease (HFMD).

Sabah Community Development and People's Wellbeing Minister Datuk Shahelmey Yahya said the state had recorded a cumulative 4,604 cases.

He added that 91% of the cases involved pupils below 12 years old.

"Considering schools will reopen next week, I advise parents to educate their young children to always maintain self-hygiene, like regularly washing their hands at school.

"I have also asked teachers and parent-teacher associations (PTAs) to always be alert to developments surrounding HFMD cases in Sabah," added Shahelmey, who is also in charge of health matters.

On Friday, Sabah health director Datuk Dr Rose Nani Mudin said HFMD was under control.

She said no deaths had been reported to date, with most cases occurring in private residences and early education centres.

On this note, Shahelmey called on such centres to continuously keep the school environment clean and implement measures to monitor their pupils for the disease.

"The centres must isolate children immediately if any of them has symptoms while in school, so the virus does not spread," he said.